

Tun M hairan SPR tangguh Undil8

Oleh Zaid Mohd. Noor
zaid.noor@mediamulia.com.my

LANGKAWI: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hairan dengan keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang menangguhkan pelaksanaan pendaftaran pemilih automatik dan kelayakan mengundi usia 18 tahun.

Pelaksanaan tersebut sepatutnya dijadualkan Julai ini tetapi ditangguhkan kepada 1

September tahun depan.

Menurut beliau, perkara tersebut tidak sepatutnya berlaku memandangkan teknologi yang dimiliki ketika ini mampu memperoleh data setiap individu berusia 18 tahun ke atas dengan mudah dan cepat.

Menurutnya, alasan yang diberikan pihak berkenaan terutama melibatkan kesukaran dalam mengumpul data pengundi khususnya membabitkan kawasan mengundi yang

turut memerlukan penglibatan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah sesuatu yang sukar diterima.

"Sekarang ini nak kutip data cukup mudah, kita sudah ada *big data*, kita tahu berapa ramai yang akan mengundi, usia mereka, di mana mereka tinggal, semuanya ada data.

"Jadi saya tidak tahu apa masalah (SPR) untuk bagi mereka (usia 18 tahun) ini mengundi," katanya kepada pemberita

selepas mengadakan tinjauan di Pantai Chenang di sini semalam.

Dr. Mahathir yang juga Ahli Parlimen Langkawi berkata, beliau juga tidak memahami tindakan SPR yang mengambil masa lama untuk mengumumkan penangguhan pelaksanaan pendaftaran pemilih automatik dan kelayakan mengundi pada usia 18 tahun.

Ini kerana katanya, Rang Undang-undang Perlembaga-

an (Pindaan) 2019 mengenai had umur mengundi diluluskan Dewan Rakyat pada 16 Julai 2019 dan seterusnya oleh Dewan Negara pada 25 Julai 2019.

Khamis lalu, Pengerusi SPR, Datuk Abdul Ghani Salleh memberitahu, pendaftaran pemilih automatik dan kelayakan mengundi pada usia 18 tahun dijangka hanya mampu dilaksanakan selepas 1 September tahun depan.